

Siswa Palapes miliki kelebihan

MAHASISWA universiti yang menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) mempunyai kelebihan berbanding dengan pelajar lain. Ini kerana pengalaman ketenteraan membolehkan mereka cemerlang di mana sahaja.

Bagi Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, beliau sendiri berbangga dengan pencapaian para pelajarnya semasa melawat khemah latihan Palapes UKM-USIM di Mempaga, Bentong, Pahang baru-baru ini. Lawatan itu diadakan ketika para pelajar terbabit sedang menjalani latihan tahunan.

Beliau selaku Komandan Palapes UKM berkata, penyertaan mereka di dalam pasukan kadet tentera itu adalah satu langkah bijak dan berfaedah kerana mereka telah menggunakan tempoh cuti panjang untuk mengikuti latihan lasak seperti perkhemahan tahunan itu.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) UKM, Prof. Datuk Ir. Dr. Reza Atiq Abdullah OK Rahmat turut menyertai latihan itu bersama lebih 100 orang kadet selama enam hari pada penghujung bulan lalu.

Sepanjang latihan berkenaan, kesemua peserta perlu menjalani latihan asas, pertengahan dan lanjutan yang diadakan secara serentak bagi kadet mahasiswa daripada pelbagai peringkat.

Latihan kadet peringkat asas meliputi 'peperangan melawan gerila', serang hendap musuh di dalam hutan serta mengikuti cara hidup tinggal di dalam khemah di hutan selama lima hari.

Di peringkat pertengahan pula, kadet dilatih berkawat dan berjalan kaki, serang hendap serta serangan balas terhadap musuh dan serangan ke bukit pertahanan musuh, manakala di peringkat lanjutan, mereka dilatih bagaimana membina kubu dan menyediakan perhubungan serta mempertahankan kubu ketika serangan dalam 'peperangan terbuka'.

Mereka turut mengikuti pelbagai latihan di dalam hutan sekitar Mempaga termasuk latihan serang hendap oleh kadet peringkat pertengahan dan latihan membina kubu serta latihan pertahanan di Bukit Mempaga oleh kadet lanjutan.

Noor Azlan juga berkata, kadet yang mengikuti latihan itu mampu menjadi individu cemerlang dan pengalaman itu tidak boleh didapati di dalam bilik kuliah serta berharap setiap kadet dapat berkongsi pengalaman latihan mereka itu dengan para pelajar lain di kampus.

Kadet Mohd. Akhmal Mohd. Reza berkata dia sangat yakin dengan faedah latihan yang diterimanya ketika menjadi anggota Palapes selama tiga tahun. Dia kini berada di peringkat lanjutan setelah menjalani pelbagai bertukar latihan.

"Memang waktu permulaan menyertai Palapes, wujud perasaan tidak tahan menghadapinya, tetapi dengan ketabahan yang



KADET yang mengikuti latihan itu mampu menjadi individu cemerlang dan pengalaman itu tidak boleh didapati di dalam bilik kuliah.

ada, saya mampu meneruskannya sehingga tamat.

"Saya dapati latihan ini mampu membentuk disiplin yang tinggi untuk membolehkan kami meneruskan kehidupan sebagai pelajar di kampus," katanya.

Bagi seorang kadet wanita yang sedang mengikuti pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah di Fakulti Pengajian Islam UKM, Norashikin Mohd. Taib, penyertaannya dalam pasukan Palapes berjaya membentuk peribadi berdisiplin dan mampu menepati waktu ketika mengikuti pengajian di kampus. - RAAI OSMAN

